

Bil. S 86

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**  
(Perintah di bawah Perkara 83(3) dan (5))

**PERINTAH PERBEKALAN TAMBAHAN (2004/2005) (BIL. 2), 2004**

BAHAWASANYA Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan satu Pemasyhuran Darurat (S 22/04) bertarikh 8 haribulan Mac, 2004 telah mengisytiharkan dan memasyhurkan mulai dari tarikh tersebut satu keadaan darurat dalam seluruh Negara;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, bahawa apabila satu Pemasyhuran Darurat telah dibuat dan selagi Pemasyhuran itu berjalan kuatkuasanya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh membuat sebarang Perintah yang Baginda fikirkan perlu bagi kepentingan awam;

DAN BAHAWASANYA adalah dipersyaratkan oleh Fasal (5) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam bahawa kuasa-kuasa tersebut hendaklah termasuk kuasa untuk membuat peruntukan kewangan yang mungkin diperlukan dalam masa tempoh darurat, termasuk peruntukan bagi perkhidmatan awam;

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang empat ribu, empat ratus dua puluh satu juta, satu ratus lapan ribu dan lima puluh ringgit (\$4,421,108,050.00) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2004/2005), 2004 (S 34/04);

DAN BAHAWASANYA satu jumlah wang tiga puluh sembilan juta, lima ratus dua puluh enam ribu, satu ratus sembilan puluh empat ringgit dan lima puluh lapan sen (\$39,526,194.58) telah diperuntukkan oleh Perintah Perbekalan (2004/2005) (Bil. 1), 2004 (S 68/04);

DAN BAHAWASANYA adalah sekarang perlu untuk mengadakan satu peruntukan tambahan sebanyak dua puluh lapan juta, tujuh ratus sembilan puluh sembilan ribu, satu ratus lapan puluh lapan ringgit dan lima sen (\$28,799,188.05);

SEKARANG, DARI ITU, pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan kepada Baginda oleh Fasal-Fasal (3) dan (5) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

**Gelaran.**

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perbekalan Tambahan (2004/2005) (Bil. 2), 2004.

Perbelanjaan tambahan bagi tahun Kewangan 2004/2005, dan memperuntukkan dan penggantian jumlah wang yang didahulukan dari Kumpulanwang Gagasan.

2. (1) Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi dua puluh lapan juta, tujuh ratus sembilan puluh sembilan ribu, satu ratus lapan puluh lapan ringgit dan lima sen (\$28,799,188.05) dari Kumpulanwang Yang Disatukan bagi perbelanjaan perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual untuk tahun 2004/2005 yang tidak diperuntukkan atau tidak diperuntukkan sepenuhnya oleh Perintah Perbekalan (2004/2005), 2004 (S 34/04) dan Perintah Perbekalan (2004/2005) (Bil. 1), 2004 (S 68/04) adalah dengan ini dibenarkan.

(2) Wang ini adalah diperuntukkan bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang dinyatakan dalam Jadual.

(3) Penggantian jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang ketiga bagi jumlah wang yang ditunjukkan dalam ruang keempat dari Jadual ialah jumlah-jumlah wang yang didahulukan dari Kumpulanwang Gagasan yang diadakan di bawah cerai (1) bab 10 dari Perintah Perlembagaan (Peraturan Kewangan) adalah dengan ini dibenarkan.

#### JADUAL

| [1]                                   | [2]                                             | [3]                                          | [4]                                                        |
|---------------------------------------|-------------------------------------------------|----------------------------------------------|------------------------------------------------------------|
| Tajuk                                 | Gelaran                                         | Jumlah yang<br>Diperuntukkan<br>Kepada Tajuk | Penggantian<br>Pendahuluan Dari<br>Kumpulanwang<br>Gagasan |
| JABATAN PERDANA MENTERI               |                                                 |                                              |                                                            |
| SA06A                                 | Jabatan Keselamatan Dalam Negeri                | \$10,096,214.00                              | \$10,096,214.00                                            |
| KEMENTERIAN HAL EHWAL<br>DALAM NEGERI |                                                 |                                              |                                                            |
| SE10A                                 | Jabatan Imigresen dan Pendaftaran<br>Kebangsaan | \$206,000.00                                 | \$206,000.00                                               |
| KEMENTERIAN KESIHATAN                 |                                                 |                                              |                                                            |
| SM02A                                 | Jabatan Perkhidmatan Perubatan                  | \$18,496,974.05                              | \$18,496,974.05                                            |
|                                       |                                                 | <u>\$28,799,188.05</u>                       | <u>\$28,799,188.05</u>                                     |

## WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

---

Diperbuat pada hari ini 11 haribulan Zulkaedah, Tahun Hijrah 1425 bersamaan dengan 23 haribulan Disember, 2004 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM